

Buletin Rancang SELANGOR



Revised 2010 Edition

Panduan Pelaksanaan
Rekabentuk Bandar Selamat
Melalui *Crime Prevention
Through Environmental Design*
(CPTED)

CARB PANDUAN REKABENTUK SELAMAT
(UNIVERSITI TEKNOLOGI)

BULETIN
JAWATAN MELAJASA
PERANCANG
NEGERI SELANGOR
BIL. 1/2013

Buletin Rancang SELANGOR



Menarik di dalam

Panduan Pelaksanaan
Rekabentuk Bandar Selamat
Melalui *Crime Prevention
Through Environmental Design*
(CPTED)

GARIS PANDUAN REKABENTUK SEJAGAT
(UNIVERSAL DESIGN)

ISSN : 2249-2669



KEAHLIAN JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR TAHUN - 2012

DIUNDIAHKAN DI BAWAH KEPUTUSAN MUKTAMAK PERANCANGAN BANGUNAN DAN DESA 1976, ARTIS 1721

1



2



3



4



5



6



7



8



9



10



11



12



13



14



15



16



17



18



1. Pengerusi

YAB. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid b. Ibrahim
Dato' Menteri Besar Selangor

2. Timbalan Pengerusi

YB. Tuan Iskandar b. A. Samad
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan,
Pengurusan Bangunan dan Selangor

3. Ahli

Y.B. Dato' Hj. Mohammed Khusrin b. Hj. Munawi
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kajian & Penyelidikan

4. Ahli

YB. Datuk Paduka Zaryah Bt. T. Loth Khan
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

5. Ahli

Y.Bhg. Dato' Noordin b. Sulaiman
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

6. Ahli

YB. Dr. Yacob b. Sapari
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan,
Pengurusan Sumber Alam &
Pembangunan Sumber Alam

7. Ahli

YB. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan,
Kajian & Penyelidikan

8. Ahli

YB. Puan Wong Keat Ping @
Elizabeth Wong
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan
dan Alam Sekitar

9. Ahli

Y.Bhg. Dato' Hj. Mohamad Roslan b.
Sakiman
Pengerusi (TSUK Pembangunan)
Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor

10. Ahli

Y.Bhg. Dato' Hj. Kamarulzaman b. Jamil
Pengerusi Pejabat Tanah dan Galian Negeri
Selangor

11. Ahli

Y.Bhg. Dato' Ir. Abdullah b. Abd. Rahman
Pengerusi Jabatan Kerja Raya Negeri
Selangor

12. Ahli

Y.Bhg. Dato' Hj. Abdul Ghani b. Salleh
Pengerusi Pembangunan Negeri Selangor

13. Ahli

Y.Bhg. Pn. Siti Zaleha bt. Ibrahim
Pengerusi Jabatan Alam Sekitar Negeri
Selangor

14. Ahli

Tuan Hj. Ir. Ab. Cahar b. Osman
Pengerusi Jabatan Pengairan dan Saliran
Negeri Selangor

15. Ahli

Y. Bhg. Dato' Hj. Zakaria b. Mohamad
Pengerusi Jabatan Mineral dan Geosains
Negeri Selangor

16. Ahli

Tn. Ahmad Zakaria b. Mohamad Sidek
Pengerusi Perlesenan Negeri Selangor sehingga
Februari 2012

17. Ahli

Tn. Hj. Md. Khairi b. Selamat
Pengerusi Lembaga Urus Air Selangor

18. Setiausaha

Hj. Mohd. Zaki b. Ibrahim
Pengerusi Jabatan Perancangan Bandar dan
Desa Negeri Selangor

Kandungan

Keahlian Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Tahun 2012	2
Ucapan Aluan Pengarah	4
Garis Panduan Reka bentuk Sejagat (<i>Universal Design</i>) – Mesyuarat JPNS Bil. 1/2012	5
Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat Melalui <i>Crime Prevention Through Environmental Design</i> (CPTED) – Mesyuarat JPNS Bil. 1/2012	6
Rancangan Fizikal Zon, Resisiran Pantai Negara (RIZPPM) – Mesyuarat JPNS Bil. 1/2012	11
Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau – Mesyuarat JPNS Bil. 2/2012	14
Garis Panduan Perancangan Pengenalpastian Bagi Pembangunan Semula Kawasan <i>Brownfield</i> – Mesyuarat JPNS Bil. 4/2012	17
Garis Panduan Penubuhan Tadika Dan Taska – Mesyuarat JPNS Bil. 5/2012	20
Status Pewarisan Tanah Lapang Awam Negeri Selangor Tahun 2012 – Mesyuarat JPNS Bil. 5/2012	22
Bilangan Kertas Yang Dibentangkan Di Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Tahun 2012	26
Senarai Kertas-Kertas Dasar Yang Dibentangkan Di Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Tahun 2012	27

Sidang Pengarang

Penasihat
Tn. Hj. Mohd. Zakibin Ibrahim

Pengarang
En. Saifuddin bin Marsuk
Pn. Suzila bt. Mohammed Suri

Unuseta
Pn. Suzianah bt. Mustapha
En. Rahimie bin Ibrahim
Pn. Eleanor Shidah bt. Kamarul Ariffin

BULETIN RANCANG SELANGOR 2013
© Hakcipta
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Selangor
ISSN : 2289-2699

Hakcipta terpelihara
Mana-mana bahagian dalam laporan ini tidak
boleh diterbitkan semula, disimpan dalam
cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun
dipindahkan dalam mpa-apa bentuk cara, sama
ada dengan elektronik, gambar rakaman dan
sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada
Penerbit terlebih dahulu

Diterbitkan Oleh:
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Selangor,
Tingkat 15-18, Bangunan Darul Bhsan,
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14,
40646 Shah Alam, Selangor Darul Bhsan
Tel : 03-5511 6666
Faks : 03-5511 3557
Laman web : www.jpbd.selangor.gov.my

Ucapan Aluan

Pengarah Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadirat Allah kerana dengan limpah kurniaNya, Buletin Rancang Bil. 1/2013 ini berjaya dihasilkan. Buletin ini diterbitkan selaras dengan Perenggan 4(4)(c), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] yang telah diperuntukkan sebagai salah satu fungsi Jawatankuasa Perancang Negeri iaitu mengusahakan penyiaran buletin yang berhubungan dengan perancangan bandar dan desa dan keputusan-keputusan yang telah dicapai oleh Jawatankuasa.

Buletin Rancang ini adalah salah satu instrumen perancangan yang boleh dijadikan rujukan khas oleh semua pihak-pihak yang berkepentingan. Buletin Rancang Bil. 1/2013 ini memuatkan sebanyak lapan (8) artikel yang dipilih dari kertas-kertas Mesyuarat JPNS yang telah bersidang sepanjang tahun 2012.

Sehingga akhir tahun 2012, Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPNS) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Tan Sri Dato' Menteri Besar Selangor telah bermesyuarat sebanyak enam (6) kali seperti berikut :

-
- | | | | |
|------|----------------------------|---|-----------------------|
| i. | Mesyuarat JPNS Bil. 1/2012 | - | 13hb Februari 2012; |
| ii. | Mesyuarat JPNS Bil. 2/2012 | - | 10hb April 2012; |
| iii. | Mesyuarat JPNS Bil. 3/2012 | - | 5hb Jun 2012; |
| iv. | Mesyuarat JPNS Bil. 4/2012 | - | 13hb Ogos 2012; |
| v. | Mesyuarat JPNS Bil. 5/2012 | - | 9hb Oktober 2012; dan |
| vi. | Mesyuarat JPNS Bil. 6/2012 | - | 4hb Disember 2012 |
-

Secara keseluruhannya menerusi enam (6) mesyuarat tersebut, terdapat 48 kertas mesyuarat telah dibentangkan yang merangkumi 8 kertas berkaitan dasar / garis panduan, 21 kertas berkaitan penyediaan Rancangan Pemajuan, 5 kertas berkaitan pengawalan perancangan dan 14 kertas berkaitan arahan / makluman.

Akhir kata, adalah diharapkan penerbitan buletin ini dapat dijadikan sebagai asas rujukan dan panduan kepada semua pihak yang terlibat.

Wassalam.

Hj. Mohd Zaki b. Ibrahim

Pengarah,

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor

Merangkap

Setiausaha Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor.



Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*)



Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*)



Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.1/2012 yang bersidang pada 13hb. Februari 2012 membuat keputusan :-

Jawatankuasa bersetuju untuk menerima pakai Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) di Negeri Selangor dan semua Pihak Berkuasa Tempatan.

LATAR BELAKANG

Pelaksanaan Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini telah dipersetujui di peringkat Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Mei 2011 seterusnya oleh Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan Ke-64 (MNKT Ke-64) pada 23 Mei 2011.

Pekeliling Ketua Setiausaha KPKT bertarikh 8 Julai 2011 telah diedarkan untuk pemakaian kepada semua Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Garis Panduan ini merupakan semakan semula terhadap garis panduan sedia ada (Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Kemudahan Golongan Kurang Upaya JPBD 1/2000) yang mana ia adalah bertujuan untuk membantu PBN, PBT dan agensi pelaksana di dalam merancang kemudahan-kemudahan dan persekitaran bandar yang bercirikan reka bentuk sejagat yang boleh diakses oleh semua golongan individu tanpa mengira peringkat umur dan keupayaan fizikal masing-masing.

Perancangan kemudahan-kemudahan dan persekitaran bandar yang bercirikan reka bentuk sejagat (*universal design*) telah lama dilaksanakan di negara maju seperti Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom dan Jepun. Di Malaysia, reka bentuk sejagat adalah satu pendekatan baru yang muncul daripada konsep bebas halangan (*barrier free*) atau reka bentuk mudah akses (*accessible design*) yang bertujuan memberi akses dan menghapuskan halangan fizikal kepada golongan OKU berbanding konsep sedia ada yang mana penyediaan kemudahan bagi golongan OKU diasingkan daripada individu lain.

Pendekatan reka bentuk sejagat mengintegrasikan sebaik mungkin kemudahan-kemudahan untuk digunakan oleh semua golongan individu secara inklusif tanpa pengasingan dengan menekankan penyediaan kemudahan-kemudahan berdasarkan kepada semua peringkat umur sama ada kanak-kanak, dewasa, tua dan keupayaan fizikal individu termasuk golongan OKU.


Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) ini telah menggariskan perkara-perkara asas berhubung dengan prinsip-prinsip perancangan serta garis panduan umum, garis panduan khusus dan piawaian perancangan yang perlu dipatuhi.



PRINSIP REKA BENTUK SEJAGAT (*UNIVERSAL DESIGN*)

Berdasarkan kepada *Center for Universal Design, North Carolina State University* (NCSU, 1997), reka bentuk sejagat (*universal design*) mempunyai 7 prinsip seperti berikut:

- i. **Prinsip 1: Mampu Guna (*Equitable Use*)**
Suatu reka bentuk yang memberi manfaat dan mampu digunakan oleh semua individu pelbagai keupayaan;
- ii. **Prinsip 2: Penggunaan Fleksibel (*Flexibility in Use*)**
Reka bentuk pelbagai yang memenuhi dan mampu menampung berbagai pilihan dan keupayaan individu contohnya sama ada pengguna biasa atau kidal;
- iii. **Prinsip 3: Penggunaan Mudah dan Intuitif (*Simple and Intuitive Use*)**
Reka bentuk yang mudah difahami tanpa berfikir, pengetahuan, pengalaman dan kemahiran membaca (bata huruf);
- iv. **Prinsip 4: Daya Penyampaian Maklumat Mudah (*Perceptible Information*)**
Reka bentuk yang dapat menyampaikan maklumat dengan berkesan kepada pengguna tanpa mengira keadaan persekitaran dan keupayaan deria pengguna;
- v. **Prinsip 5: Kesilapan / Risiko Minimum (*Tolerance for Error*)**
Reka bentuk yang meminimumkan risiko dan kemungkinan bahaya seperti kemalangan atau kecuai;
- vi. **Prinsip 6: Rendah Keupayaan Fizikal (*Low Physical Effort*)**
Reka bentuk yang boleh digunakan secara efisien dan selesa tanpa menimbulkan keletihan; dan
- vii. **Prinsip 7: Kesesuaian dan Kecukupan Saiz dan Ruang (*Size and Space for Approach and Use*)**
Saiz dan ruang yang bersesuaian serta mencukupi perlu disediakan untuk kemudahsampaian dengan menggunakan saiz dan bentuk badan (*posture*) serta mobiliti dan ergonomik pengguna.





PENUTUP

Penyediaan garis panduan ini diharap dapat dipatuhi dan memberi panduan kepada PBN, PBT dan pemaju dalam merancang, mengawal dan memantau pelaksanaan penyediaan kemudahan-kemudahan dan persekitaran bandar yang dapat memenuhi keperluan akses oleh semua golongan individu termasuk kanak-kanak, orang-orang tua dan golongan OKU.

Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) ini adalah perlu bagi merancang kemudahan dan persekitaran bandar yang boleh diakses oleh semua golongan individu tanpa mengira peringkat umur dan keupayaan fizikal dengan mengaplikasikan konsep reka bentuk sejagat dalam aspek perancangan bandar.

KEPERLUAN TERHADAP REKA BENTUK SEJAGAT DI DALAM MERANCANG KEMUDAHAN DAN PERSEKITARAN BANDAR

Perancangan kemudahan dan persekitaran bandar di Malaysia yang bercirikan reka bentuk sejagat adalah diperlukan berdasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan seperti berikut:

- i. Dijangka peningkatan bilangan penduduk yang akan mendiami dan menggunakan kemudahan-kemudahan di bandar-bandar menjelang tahun 2020;
- ii. Penduduk Malaysia terdiri daripada pelbagai peringkat umur seperti kanak-kanak, dewasa, tua dan seterusnya mengalami kekurangan upaya dan terdapat juga individu yang mempunyai atau mendapat kecacatan di dalam tempoh hayatnya;
- iii. Terdapat individu yang mengalami kekurangan upaya sementara akibat ditimpa kemalangan atau jatuh sakit termasuklah pengguna kerusi roda dan juga wanita hamil;
- iv. Peningkatan bilangan golongan tua yang berumur 65 tahun ke atas yang mempunyai kekurangan dalam pergerakan akibat tua dan penyakit; dan
- v. Permintaan yang bertambah oleh golongan kurang upaya fizikal untuk lebih berdaya dan untuk menjalani aktiviti bersama dengan masyarakat supaya tidak terpinggir, selaras dengan *Convention on the Rights of Persons with Disabilities* yang telah ditandatangani oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu termasuk Malaysia pada 3 Mei 2008.



Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat Melalui *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED)

Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.1/2012 yang bersidang pada 13hb. Februari 2012 memhuat keputusan :-

*Jawatankuasa mengambil maklum dan bersetuju dengan Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat (*Crime Prevention Through Environmental Design - CPTED*) diterapkan di dalam penyediaan pelan susun atur baru dan penambahbaikan pembangunan sedia ada di Negeri Selangor.*

LATAR BELAKANG

Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-52 pada 11 Oktober 2004 telah memperakukan dan bersetuju agar kerajaan negeri melaksanakan strategi dan perakuan yang telah digariskan oleh Program Bandar Selamat 2004.

Program Bandar Selamat 2004 yang menggariskan 3 strategi dan 23 langkah telah ditakrifkan semula kepada 3 strategi dan 15 langkah dibawah Program Bandar Selamat 2010.

Melalui Program Transformasi Kerajaan (GTR) NKRA Mengurangkan Jenayah, satu perjanjian diantara Kementerian Dalam Negeri (peneraju Makmal Mengurangkan Jenayah), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah dimeterai pada 19 November 2009 bagi



melaksanakan inisiatif NKRA 1.2 Program Bandar Selamat secara keseluruhan dan elemen CPTED dalam pelan susun atur bagi kawasan perumahan.

Konsep dan prinsip CPTED secara ideal perlu diterapkan pada peringkat awal reka bentuk pelan susun atur untuk semua kawasan pembangunan baru. Ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti persekitaran hidup, nilai hartanah, keselamatan kawasan dari segi jenayah dan mengurangkan kos membaiki pulih persekitaran. Selain itu, konsep CPTED juga boleh diguna pakai bagi pembangunan sedia ada yang kurang selamat dan terdedah kepada jenayah.

Pemakaian panduan pelaksanaan ini juga adalah selaras dengan Pekeliling Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bil. 5 Tahun 2009 bertarikh 6 Mei 2009.



KONSEP CRIME PREVENTION THROUGH ENVIRONMENTAL DESIGN

Relaksanaan CPTED adalah berdasarkan kepada konsep bahawa "reka bentuk persekitaran fizikal terperinci secara efektif boleh mempengaruhi perilaku manusia dari melakukan kesalahan serta mengurangkan perasaan takut berlakunya jenayah dan insiden jenayah di samping meningkatkan kualiti persekitaran dan kehidupan".


Konsep dan prinsip CPTED secara ideal perlu diterapkan pada peringkat awal reka bentuk pelan susun atur untuk semua kawasan pembangunan baru. Ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti persekitaran hidup, nilai hartanah, keselamatan kawasan dari segi jenayah dan mengurangkan kos membaiki pulih persekitaran. Selain itu, konsep CPTED juga boleh diguna pakai bagi pembangunan sedia ada yang kurang selamat dan terdedah kepada jenayah.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa juga telah mengadakan perbincangan dengan stakeholders termasuk PBT, jabatan dan agensi teknikal, pertubuhan profesional dan badan bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan di mana CPTED telah dipersetujui untuk diguna pakai. Penyediaan Panduan Pelaksanaan CPTED turut mengambilkira pandangan dan input daripada pakar dan pengamal CPTED dari luar negara.

PANDUAN PELAKSANAAN CPTED

Panduan pelaksanaan ini menerapkan 4 prinsip asas iaitu:

- Pengawasan Semula Jadi (Natural Surveillance)**
Pengawasan semula jadi adalah untuk mewujudkan ruang pandangan yang jelas dan luas dari pelbagai sudut. Tujuan utama prinsip ini adalah untuk meningkatkan tahap pemerhatian orang awam terhadap penceroboh (eyes on the street) dan meningkatkan risiko kepada penceroboh yang ingin melakukan jenayah.




Pengawasan semula jadi

- Pengawasan Akses Semula Jadi (Natural Access Control)**
Untuk menyediakan akses dan laluan yang selamat, selesa, jelas dilihat dan mempunyai ruang pandangan yang maksimum dari pelbagai sudut bagi mengelak risiko dan potensi berlaku jenayah.



Laluan pejalan kaki yang selamat, selesa dan mudah dilihat



Pengawasan semula jadi kawasan tempat letak kereta.

Sumber : Adapted and modified from Crime Prevention Through Housing Design, edited by Reut Stalder, 1989 (ms 48)



Penggunaan karaj keselamatan




Pembahagian sempadan dengan landskap

c. Kejelasan Sempadan

(Territorial Reinforcement)

Mengaplikasikan prinsip bagi pewujudan, penjelasan dan perbezaan sesuatu kawasan melalui kegunaan aktiviti guna tanah seperti kawasan perumahan, perniagaan, perindustrian, kawasan lapang dan kawasan tumpuan awam. Di samping itu prinsip ini meningkatkan perasaan pemilikan dan kebanggaan ke atas sesuatu kawasan itu seperti kawasan perumahan, perniagaan, perindustrian, kawasan lapang dan kawasan tumpuan awam. Oleh itu, penceroboh akan mudah dikesan.



Sumber : Adapted and modified from *Crime Prevention Through Housing Design*, edited by Paul Stollard 1989 (m.s. 48)

d. Pengurusan dan Penyelenggaraan

(Management and Maintenance)


Prinsip ini menekankan keperluan menyelenggara dan menguruskan kawasan serta bangunan secara berkala dan berterusan oleh pihak pengurusan dan komuniti. Kewujudan kawasan dan bangunan usang/terbiar boleh mengalakkan aktiviti jenayah seperti penagihan dadah dan aktiviti sosial yang negatif.



PENUTUP

Panduan Pelaksanaan CPTED ini boleh diguna pakai dan dijadikan rujukan oleh PBT, jabatan teknikal, pereka bentuk (*designers*) dan orang awam semasa memproses kebenaran merancang, penyediaan dan semakan pelan susun atur, bangunan, kejuruteraan, landskap dan lawatan tapak.

Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RFZPPN)



Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor B.B. 1/2012 yang bersidang pada 13hb. Februari 2012 membuat keputusan:

Jawatankuasa mengambil maklum dan bersetuju dengan Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara untuk diterima pakai di Negeri Selangor.

LATAR BELAKANG

Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RFZPPN) disediakan susulan penyediaan Rancangan Fizikal Negara (RFN) yang telah diluluskan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara (MPPN) pada 26 April 2005.

Kajian ini juga disediakan selaras dengan kehendak Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) yang menyatakan 'Bagi melindungi kawasan pantai dan marin, Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara akan diintegrasikan ke dalam RFN bagi memperingkat pengurusan dan perlindungan pesisir pantai termasuk usaha meningkatkan penanaman pokok bakau'.


RFZPPN telah diluluskan oleh Jawatankuasa Induk Kajian RFZPPN pada 1 November 2010 dan Jawatankuasa Perancangan dan

Pembangunan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 12 September 2011.

Kawasan kajian bagi Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara adalah merangkumi kawasan zon persisiran pantai sepanjang 2,050.30 km di Semenanjung Malaysia. Ia merangkumi semua kawasan laut sejauh 3 batu nautika daripada garisan air surut terendah, semua kawasan darat sejauh 5 kilometer daripada garisan air pasang tertinggi dan zon pasang surut (zon antara garisan air surut terendah dan garisan air pasang tinggi). Kawasan kajian juga merangkumi Kawasan Sensitif Alam Sekitar yang terletak di sempadan kawasan kajian serta pulau-pulau utama yang terletak di luar sempadan kawasan kajian.

RFZPPN disediakan sebagai satu strategi pengurusan sumber jaya persisiran pantai Negara yang menggariskan halatuju pembangunan yang mampan, selamat dan berproduktif sehingga 2030.


RFZPPN ini perlu diterjemahkan ke dalam Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan dan lain-lain pelan pembangunan di peringkat Negeri.



Rajah 1 : Keratan Rentas Kawasan Kajian RFPZPP

KAWASAN KAJIAN RFPZPP

Kawasan kajian bagi Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara adalah merangkumi kawasan zon persisiran pantai sepanjang 2,050.30 km di Semenanjung Malaysia, ia merangkumi semua kawasan laut sejauh 3 batu nautika daripada garisan air surut terendah, semua kawasan darat sejauh 5 kilo meter daripada garisan air pasang tertinggi dan zon pasang surut (zon antara garisan air surut terendah dan garisan air pasang tinggi). Kawasan kajian juga merangkumi Kawasan Sensitif Alam Sekitar yang terletak di sempadan kawasan kajian serta pulau-pulau utama yang terletak di luar sempadan kawasan kajian.




Rajah 2 : Kawasan Kajian RFPZPP

Kawasan kajian meliputi persisiran pantai di Semenanjung Malaysia kecuali Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Pulau Pinang kerana negeri-negeri ini telah mempunyai Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu (*Integrated Shoreline Management Plan (ISMP)*) yang disediakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JRS). Kawasan kajian yang terlibat dibahagikan kepada 17 Unit Perancangan (*Planning Unit (PU)*) berdasarkan persamaan ciri-ciri ekologi, guna tanah dan kawasan pentadbiran.

Walaupun bagaimanapun, sempadan PU ini tidak semestinya mengikut sempadan pentadbiran (negeri, daerah atau mukim). PU juga digunakan sebagai asas untuk mengenalpasti Kawasan Sensitif Alam Sekitar Persisiran Pantai dan Kawasan Risiko Bencana Persisiran Pantai.





IMPLIKASI

Selaras dengan pelaksanaan Rancangan Fizikal Negara (RFN), strategi-strategi RFZPPN juga apabila telah diterimapakai perlu disokong dan dilaksanakan oleh Kerajaan dan agensi di semua peringkat. Penterjemahan strategi-strategi tersebut perlu dibuat dalam perkara-perkara seperti berikut:

- i. Penyediaan atau kajian semula rancangan-rancangan pemajuan di bawah Akta 172 iaitu Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas.
- ii. Lain-lain penyediaan kajian dan garis panduan terperinci mengenai perancangan dan pembangunan di zon persisiran pantai negara yang boleh diselaraskan strategi dan langkah-langkah yang telah disediakan oleh RFZPPN.
- iii. Pelaksanaan program dan projek di zon persisiran pantai Negara oleh

agensi-agensi pelaksana yang mana perhatian khusus perlu diberikan terhadap inisiatif-inisiatif utama yang dicadangkan dalam RFZPPN. Bagi menterjemahkan strategi-strategi RFZPPN ke dalam program dan projek, semua agensi pelaksana perlulah merujuk kepada strategi tersebut dan memberi keutamaan kepada program dan projek yang selaras dengan strategi-strategi berkenaan. Ini bermakna agihan perbelanjaan negara dan negeri serta perancangan pembangunan sosioekonomi keseluruhannya perlu selari dengan RFZPPN.

Terdapat implikasi kewangan bagi tindakan-tindakan yang diambil untuk memastikan pelaksanaan RFZPPN yang melibatkan peringkat kajian, program dan projek yang akan dilaksanakan.

PENUTUP

RFZPPN disediakan sebagai satu strategi pengurusan sumberjaya persisiran pantai Negara yang menggariskan halatuju pembangunan yang mampan, selamat dan berproduktif sehingga 2030. RFZPPN perlu diterjemahkan ke dalam Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan dan lain-lain pelan pembangunan. Pelaksanaan RFZPPN juga perlu disokong oleh semua pihak berkaitan khususnya Kementerian, Kerajaan Negeri dan agensi dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing.

Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau


Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil 2/2012 yang bersidang pada 10hb. April 2012 membuat perincian sebagai berikut :-

- i. *Meluluskan pemakaian Garis Panduan Perancangan (GPP) Kejiranan Hijau oleh Kerajaan Negeri dan PBT di Negeri Selangor;*
- ii. *Bersatu untuk melebarkan fungsi Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor merangkumi fungsi Majlis Teknologi Hijau bagi merencana strategi pembangunan negeri dan menerapkan inisiatif kejiranan hijau dalam Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan; dan*
- iii. *Bersatu supaya ditubuhkan satu Jawatankuasa Teknikal Teknologi Hijau yang dipengerusikan oleh Y.B. Puan Wong Kast Ping @ Elizabeth Wong, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perancangan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar dan seterusnya membuat pelaporan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor.*

LATAR BELAKANG

Pada akhir tahun 2009, semasa Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan Perubahan Iklim di Copenhagen, Denmark, Kerajaan Malaysia telah menandatangani komitmen untuk mengurangkan intensiti pengeluaran gas rumah hijau (*green house gases-GHG*) sebanyak 40% berdasarkan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020 berbanding paras pengeluaran gas rumah hijau pada tahun 2005.

Usaha ke arah pembentukan perbandaran hijau (*green township*) akan menjadi prinsip perancangan bandar di mana sesuatu kawasan bandar akan dirancang untuk lebih '*energy efficient*' dengan '*low carbon emission*'. Salah satu inisiatif yang boleh dilaksanakan adalah melalui konsep pembangunan kejiranan hijau bagi memastikan kadar pembebasan GHG tidak terus meningkat.





Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBDSM) telah menyediakan GPP Kejiranan Hijau bagi membantu Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pemaju, badan kerajaan dan bukan kerajaan semasa merancang, mereka bentuk dan mengawal pembangunan kejiranan hijau.

GPP Kejiranan Hijau telah diluluskan oleh Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim pada 11 Ogos 2011 dan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 November 2011 seterusnya mendapat kelulusan MPFN Bil. 1/2012 pada 20 Mac 2012.

TAKRIFAN KEJIRANAN HIJAU

Bagi tujuan penyeragaman pembangunan kejiranan hijau, GPP Kejiranan Hijau mentakrifkan kejiranan hijau sebagai “suatu kawasan kejiranan yang dirancang secara bersepadu dengan memberi keutamaan kepada perlindungan dan penggunaan sumber semulajadi, aplikasi teknologi hijau, amalan hijau dan kitar semula, yang bertujuan untuk memelihara alam

sekitar, meningkatkan kesihatan awam, keselamatan dan kebajikan umum penduduk bandar”.

KONSEP PERANCANGAN KEJIRANAN HIJAU

Konsep asas GPP Kejiranan Hijau adalah berteraskan kepada :

- i. **Reka bentuk pasif** sebuah kejiranan yang memfokuskan kepada :
 - a. menitikberatkan faktor keseimbangan antara pembangunan serta persekitaran yang boleh menyumbang kepada kualiti hidup yang tinggi dan selamat;
 - b. membentuk jaringan dan laluan hijau yang bersambungan serta memperuntukkan lebih banyak kawasan hijau di dalam kejiranan;
 - c. mewujudkan kemudahan yang bersambungan melalui penyediaan kemudahan laluan berjalan kaki dan laluan sikal;
 - d. menggalakkan guna tanah dan guna bangunan yang pelbagai (*mixed-use development and multi-use building*);

- e. menggalakkan pengintegrasian elemen-elemen semula jadi dengan teknologi tradisional seperti sistem penuaian air hujan di rumah, yang memerlukan kos yang rendah dan memberi banyak manfaat; dan
- f. menggalakkan reka bentuk pasif bangunan melalui penggunaan unsur-unsur semula jadi seperti pencahayaan matahari dan arah tiupan angin.

- ii. **Amalan konsep reduce, reuse dan recycle (3R)** di dalam sebuah kejiranan hijau bukan sahaja merujuk kepada kaedah mengurus sampah, tetapi juga turut merujuk kepada bagaimana sesuatu sumber atau elemen itu boleh dikitar atau digunasemula supaya kitar hidup sumber atau elemen itu dapat dimanfaatkan sepenuhnya.
- iii. **Penggunaan tenaga yang cekap** bermaksud pembangunan kejiranan hijau memberi penekanan kepada menggunakan tenaga secara cermat dan bijaksana untuk menjamin bekalan tenaga yang berterusan tanpa menjejaskan produktiviti atau kualiti hidup.



- iv. **Penggunaan teknologi hijau** di mana Dasar Teknologi Hijau menggalakkan penggunaan teknologi hijau dalam pembangunan dan kehidupan harian. Walaupun teknologi hijau merupakan produk / peralatan / sistem yang kurang mencemarkan alam sekitar, menjimatkan tenaga dan sumber asli dan mampu menggalakkan sumber-sumber yang boleh diperbaharui, namun teknologi ini masih mahal untuk digunakan dan belum cukup untuk memenuhi keperluan penggunaan tenaga masa kini. Justeru, garis panduan ini amat menggalakkan penggunaan teknologi hijau bagi menyokong pembangunan kejuranan hijau tetapi bukan bergantung sepenuhnya terhadapnya.

PRINSIP-PRINSIP PERANCANGAN KEJIRANAN HIJAU

Prinsip-prinsip perancangan pembangunan kejuranan hijau meliputi:

- i. Mengutamakan aspek kemampanan dan pemuliharaan alam sekitar;



- ii. Menyediakan satu kawasan petempatan yang mengutamakan keindahan dan keselesaan kepada penduduk;
- iii. Mempunyai ciri-ciri *affordable* iaitu penduduk mampu untuk menjalankan aktiviti ekonomi, memiliki rumah, bekerja dan berekreasi dalam lingkungan kawasan kejuranan;
- iv. Mewujudkan masyarakat harmoni, sejahtera, sihat dan berinteraksi;
- v. Mewujudkan aktiviti ekonomi setempat yang berdaya saing; mewujudkan kemudahsampaian yang tinggi kepada penduduk bagi menghubungkan pengangkutan awam dan berjalan kaki serta aktiviti berbasikal;
- vi. Menawarkan kepelbagaian kemudahan dan perkhidmatan untuk aktiviti harian penduduk;

- vii. Menggunakan kaedah tenaga boleh diperbaharui dan kecekapan tenaga;
- viii. Menyediakan infrastruktur hijau seperti penuaian air hujan (*rain water harvesting*) dan sistem pendinginan berpusat (*district cooling system*); dan
- ix. Merekabentuk pembangunan kejuranan berskala manusia (*human scale*) seperti dalam reka bentuk *streetscape*, bangunan, ruang awam dan sebagainya untuk memastikan kejuranan hijau dapat berfungsi dengan baik, selesa dan selamat.

PENUTUP

Kerajaan di peringkat persekutuan, negeri, dan PBT memainkan peranan penting di dalam merangka matlamat dan langkah-langkah kearah menggalakkan pembangunan kejuranan hijau. GPP Kejuranan Hijau yang disediakan dapat dijadikan asas bagi kerajaan negeri membentuk dasar dan kaedah-kaedah tertentu dalam menggalakkan pembangunan kejuranan hijau di peringkat negeri masing-masing.

Garis Panduan Perancangan Pengenalpastian Bagi Pembangunan Semula Kawasan *Brownfield*



Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 4/2012 yang bersidang pada 13hb. Ogos 2012 membuat perincian :-

- Bersatu untuk menerima pakai Garis Panduan Perancangan Pengenalpastian Bagi Pembangunan Semula Kawasan *Brownfield* oleh Kerajaan Negeri Selangor dan PBT di Negeri Selangor; dan
- JPBD Negeri Selangor sebagai penyelar untuk pasukan petugas bagi mengenalpasti kawasan-kawasan *brownfield* di Negeri Selangor. JPBD Selangor diminta untuk mengemukakan kertas memohon peruntukan kajian kepada MAMK untuk kelulusan.

LATAR BELAKANG

Pembangunan semula kawasan *brownfield* telah banyak dilaksanakan di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Kanada, Perancis, Netherlands dan juga beberapa buah negara lain di Asia berdasarkan matlamat melaksanakan pembangunan mampan (*sustainable development*).

Di Malaysia, isu pembangunan semula kawasan *brownfield* mula mendapat perhatian sejak kebelakangan ini hasil daripada kesedaran pelbagai pihak untuk mencapai matlamat pembangunan yang lebih mampan. Ini terbukti melalui dasar-dasar pembangunan spatial sedia ada yang diperkenalkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, khususnya melalui pengubalan Dasar Perbandaran Negara (DPN) dan Rancangan Fizikal Negara (RFN). Keperluan pembangunan semula kawasan *brownfield* ini turut diberi penekanan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), melalui kenyataan berikut:

*"Bagi menzahirkan potensi yang terdapat dalam sesebuah bandar, pembaruan dan pembangunan semula bandar di kawasan *brownfield* akan dilaksanakan. Potensi ini dapat dicapai melalui insentif dan mekanisme yang sesuai untuk menyokong pembangunan semula kawasan terbiar, usang dan tertinggal."*

Di Semenanjung Malaysia, sehingga 31 Disember 2008, data menunjukkan sejumlah 113,700 hektar tanah bekas lombong yang terbiar. Manakala sehingga 31 Disember 2010, rekod menunjukkan terdapat seluas 776 hektar tapak



pelupusan sampah yang telah ditutup di seluruh Semenanjung Malaysia. Kedua-dua kategori *brownfield* tersebut perlu dibangunkan semula bagi mengelakkan kesan negatif kepada alam sekitar dan juga untuk meningkatkan pembangunan ekonomi setempat.

Justeru, terdapat keperluan untuk menyediakan satu garis panduan dan sistem pangkalan data pengenalpastian kawasan *brownfield* yang boleh digunakan oleh pihak-pihak berkepentingan yang terlibat dalam melaksanakan pembangunan semula kawasan *brownfield*.

TAKRIFAN BROWNFIELD

Bagi tujuan penyeragaman dan pelaksanaannya di Malaysia, garis panduan yang digubal telah mentakrifkan *brownfield* sebagai:

"kawasan *brownfield* adalah kawasan yang telah dibangunkan tetapi ditinggalkan atau terbiar atau mempunyai struktur pembangunan yang usang atau kawasan pembangunan yang tidak siap sepenuhnya dan terbengkalai. Kawasan ini mungkin tercemar atau tidak tercemar. Tanah kawasan *brownfield* ini juga termasuk tanah Kerajaan atau tanah persendirian."

Selain itu, istilah *brownfield* juga meliputi bangunan yang telah lama terbengkalai atau bangunan yang telah siap tetapi tidak terjual. Tafsiran ini juga merujuk kepada projek-projek terbengkalai yang tidak siap dalam tempoh pelaksanaan pembangunan melebihi 10 tahun.

Bagi maksud penyeragaman garis panduan ini, takrifan *brownfield* tidak termasuk kawasan pertanian, kawasan atau bangunan yang *unused* atau bangunan usang yang masih digunakan, kawasan setinggan yang masih dihuni untuk petempatan, dan tanah perkuburan lama yang tidak lagi digunakan.



ISU-ISU PEMBANGUNAN DI KAWASAN BANDAR

Pembangunan semula kawasan *brownfield* wajar diberi perhatian serius kerana ia melibatkan 4 isu utama seperti berikut:

(i) Isu Alam Sekitar

Proses perbandaran yang pesat telah mengakibatkan tekanan pembangunan ke atas kawasan *greenfield* (kawasan yang masih belum dibangunkan/ kawasan hijau yang biasanya merupakan tanah pertanian atau kawasan hijau semula jadi). Bagi mengelakkan penyerakan bandar (*urban sprawl*) sehingga menjangkau ke kawasan *greenfield*, pembangunan semula kawasan *brownfield* adalah salah satu kaedah terbaik yang dapat memperbaiki kualiti persekitaran sesebuah bandar.

(ii) Isu Sosial dan Estetik

Kawasan *brownfield* juga memberi impak dari aspek sosial di mana bangunan terbiar akan menjadi tempat penagihan dadah atau jenayah lain yang boleh memberi ancaman terhadap keselamatan komuniti. Di samping itu, kawasan atau bangunan terbiar akan memberi imej negatif kepada nilai estetik sesebuah bandar.

Pembangunan semula kawasan *brownfield* mengikut amalan perancangan terbaik (*best practices*) akan dapat memperbaiki kualiti visual, imej dan identiti bandar.

(iii) Isu Ekonomi

Kawasan *brownfield* yang tidak dibangunkan akan menjadi liabiliti kepada ekonomi kerana ia tidak menjana sebarang hasil dan pendapatan sama ada kepada pihak Kerajaan atau swasta.

(iv) Isu Tadbir Urus

Pada masa kini, kebanyakan jabatan dan agensi-agensi Kerajaan masih belum memahami istilah dan klasifikasi serta bagaimana untuk mengenal pasti kawasan *brownfield* kerana tiada satu garis panduan yang seragam serta kurangnya kajian berhubung dengan pengenalpastian kawasan *brownfield*. Ini menyebabkan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak mempunyai data dan maklumat berhubung dengan kawasan ini, sekaligus menyukarkan pembentukan sistem maklumat kawasan *brownfield* di sesebuah negeri.

PENUTUP

Garis panduan yang digubal telah menggariskan 4 aspek utama iaitu garis panduan umum, garis panduan khusus, keperluan pembangunan pangkalan data *Geographical Information System* (GIS) dan aplikasi pembangunan kawasan *brownfield* di dalam sistem rancangan pemajuan.

Garis panduan ini menerangkan berkenaan dengan langkah-langkah pengenalpastian dan cadangan membina sistem maklumat kawasan *brownfield* untuk digunapakai di dalam penyediaan rancangan pemajuan dan juga inventori guna tanah. Maklumat inventori kawasan *brownfield* ini juga amat penting diwujudkan kerana pada masa akan datang, ia akan menjadi salah satu indikator pembangunan mampan bagi sesebuah daerah / negeri.





Garis Panduan Penubuhan Tadika Dan Taska

Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.5/2012 yang bersidang pada 19hb. Oktober 2012 membuat keputusan :-

Bersetuju untuk menerima pakai Garis Panduan Penubuhan Tadika dan Taska oleh Kerajaan Negeri Selangor dan semua PBT di Negeri Selangor sebagai panduan PBT dalam memproses permohonan berkaitan.

LATAR BELAKANG

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 9 Disember 2011 telah bersetuju dengan Garis Panduan Penubuhan Tadika dan TASKA oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Garis Panduan ini disediakan bagi cadangan penubuhan Tadika dan TASKA yang **meliputi aspek perancangan tapak, pelesenan dan proses penubuhan Tadika dan TASKA**. Seterusnya mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) pada 21 Mac 2012 telah bersetuju dengan pelaksanaan Garis Panduan ini. Pekeliling Ketua Setiausaha KPKT telah diedarkan pada 4 Julai 2012 kepada semua Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk diterima pakai.

Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam Bil. 2/2011 pada 6 April 2011 yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Ketua Setiausaha Negara antara lain telah memutuskan supaya **disediakan satu Garis Panduan Penubuhan Tadika dan TASKA secara khusus yang meliputi aspek perancangan tapak, pelesenan dan proses penubuhan Tadika dan TASKA**.

TAKRIFAN TADIKA DAN TASKA

Di bawah peruntukan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), **Tadika** didefinisikan sebagai **mana-mana tempat di mana pendidikan prasekolah (4 hingga 6 tahun) disediakan untuk 10 orang murid atau lebih**.

Menurut peruntukan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Akta 308), **TASKA** bermaksud **mana-mana premis yang menerima masuk 4 atau lebih kanak-kanak di bawah umur 4 tahun dari lebih daripada satu isi rumah (2 atau lebih keluarga) untuk dijaga dengan upah**. TASKA boleh dibahagikan kepada **4 jenis** seperti berikut:

- (a) **TASKA di Rumah;**
- (b) **TASKA di Institusi;**
- (c) **TASKA di Tempat Kerja; dan**
- (d) **TASKA Komuniti (TASKOM).**

ISU-ISU PEMBANGUNAN TADIKA DAN TASKA

Penyediaan garis panduan ini amat diperlukan berdasarkan kepada isu-isu yang telah dikenal pasti seperti berikut:

- (i) Tempoh permohonan kelulusan tukar syarat, Kebenaran Merancang, pelesenan dan pendaftaran yang mengambil masa terlalu lama;
- (ii) Peraturan dan syarat dalam menimbang kelulusan yang tidak seragam di antara pelbagai agensi yang mana setiap agensi mempunyai senarai semak dan syarat yang tersendiri berdasarkan kepada peruntukan akta dan peraturan masing-masing;
- (iii) Fi bayaran permohonan Kebenaran Merancang dan lesen perniagaan yang baru dan pembaharuan lesen yang tidak seragam di antara PBT berdasarkan peruntukan akta dan peraturan masing-masing;



Garis Panduan Penubuhan Tadika dan Taska secara umumnya merangkumi aspek-aspek berikut :

- Kategori premis bagi penubuhan Tadika dan Taska;
- Perancangan tapak dan reka bentuk bangunan;
- Proses penubuhan Tadika dan Taska;
- Tindakan dan pelaksanaan; dan
- Kadar bayaran Fi penubuhan Tadika dan Taska.

KESIMPULAN

Pemakaian dan penguatkuasaan kepada cadangan garis panduan ini pada amnya **tiada implikasi kewangan kepada Kerajaan** sama ada di peringkat Persekutuan, negeri dan PBT. Namun begitu, **mekanisme pengurusan dana berkenaan penyaluran fi pendaftaran oleh PBT kepada Jabatan Pelajaran Negeri (bagi Tadika) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (bagi TASKA) perlu diperhalusi.**

Garis panduan ini telah menggariskan perkara-perkara asas berhubung dengan **perancangan dan proses penubuhan** Tadika dan TASKA yang perlu dipatuhi. Garis panduan ini diharap dapat mempercepatkan proses pendaftaran dan operasi tadika dan TASKA dan dipatuhi serta memberi panduan kepada PBN, PBT, agensi pelaksana dan pemaju dalam **merancang, mengawal dan memantau pelaksanaan penyediaan Tadika dan TASKA** di negara ini bagi menjamin keselamatan kanak-kanak.

- (iv) Kewujudan Tadika dan TASKA yang tidak berdaftar (operasi secara haram) telah menyebabkan timbulnya kacau ganggu di kawasan kediaman terutamanya dari aspek lalu lintas dan bunyi bising; dan
- (v) Tapak khas Tadika dan TASKA yang dikenal pasti di dalam Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK) tidak dibangunkan.

ASAS PERTIMBANGAN PENYEDIAAN GARIS PANDUAN PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA

Penyediaan Garis Panduan Penubuhan Tadika dan TASKA oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah mengambil kira keperluan agensi-agensi teknikal termasuk PBT, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Bomba dan

Penyelamat, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Pelajaran Negeri. Ini termasuklah dari aspek perancangan dan penubuhan Tadika dan TASKA di tempat kerja, institusi, bangunan perniagaan, bangunan berintegrasi dengan kemudahan masyarakat dan di kawasan kediaman (sekiranya perlu).

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, perancangan Tadika dan TASKA adalah berasaskan kepada **bilangan penduduk** di sesuatu kawasan iaitu **1 Tadika dan 1 TASKA untuk 200 unit rumah**. Ini juga adalah berdasarkan kepada data dari Jabatan Perangkaan Negara tahun 2010 di mana **jumlah penduduk Malaysia berumur di antara 0 hingga 6 tahun adalah 10% daripada jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia.**



Sumber : Draft Rancangan Kawasan Khas Pekan Kota Daerah Kuala Muda, Kedah



Sumber : Draft Rancangan Struktur Kuala Lumpur 2020

Status Pewartaan Tanah Lapang Awam Negeri Selangor Tahun 2012

Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 6/2012 yang bersidang pada 4hb. Disember 2012 telah bersetuju:

- i. Mengambil maklum mengenai status pewartaan tanah lapang awam Negeri Selangor tahun 2012;
- ii. Mengambil maklum permohonan tanah lapang untuk tujuan pewartaan tahun 2012 menunjukkan peningkatan sebanyak 7,012 kawasan; dan
- iii. Agensi-agensi berkaitan yang terlibat dalam proses pewartaan tanah lapang awam perlu mengambil langkah-langkah bagi mempercepatkan proses pewartaan dengan:
 - a. Memohon kerjasama Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Selangor (JUPEM) untuk menyediakan pelan warta;
 - b. Memohon kerjasama Pentadbir Tanah Daerah menyemak serta menyediakan draf warta bagi tujuan pewartaan untuk dikemukakan ke Pejabat Tanah Dan Galian Selangor; dan
 - c. Memohon kerjasama Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor bagi membuat semakan draf pewartaan yang disediakan oleh Pejabat Tanah Dan Daerah.

LATAR BELAKANG

Semua Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah di Negeri Selangor telah diminta untuk mengemukakan pelan dan maklumat kawasan yang perlu diwartakan secara berperingkat mengikut keutamaan untuk diwartakan dan diselaraskan oleh pihak Pusat R&D, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) dari semasa ke semasa secara berperingkat.

Tapak-tapak kawasan lapang tersebut akan diwartakan dan diletakkan di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri dan akan dikawal selia oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Kerajaan Negeri boleh merizab mana-mana tanah kerajaan untuk apa maksud awam secara pemberitahuan dalam warta selaras dengan Seksyen 62, Kanun Tanah Negara (KTN) 1965.






Tujuan perizaban tanah kerajaan di bawah Seksyen 62, KTN 1965 hendaklah semata-mata untuk kegunaan awam dan perizaban tersebut tidak boleh dibuat untuk faedah individu atau badan tertentu.

Tanah yang dirizabkan untuk kegunaan awam di bawah Seksyen 62, KTN 1965 hendaklah digunakan semata-mata untuk tujuan ia dirizabkan. Sekiranya tanah tersebut tidak lagi diperlukan untuk tujuan sepertimana yang telah diwartakan, warta perizaban tanah tersebut hendaklah dibatalkan di bawah Seksyen 64, KTN 1965.

Tanah-tanah kerajaan yang dirizabkan bagi kegunaan awam dirizabkan menurut Seksyen 62, KTN 1965 hendaklah diwartakan berdasarkan butir-butir berikut:

- i. Menghuraikan perincian tanah rizab itu.
- ii. Menghuraikan maksud untuk apa tanah itu dirizabkan.
- iii. Menamakan pegawai yang pada masa itu mempunyai kawalan ke atas tanah rizab itu.

Warta tersebut merupakan keterangan muktamad bahawa tanah yang dihuaikan itu adalah dirizabkan untuk satu maksud awam. "*Public Purpose*" atau maksud awam tidak didefinisikan di dalam mana-mana akta dan pihak berkuasa negeri mempunyai hak mutlak untuk menentukan bahawa suatu tanah itu diperlukan untuk maksud awam. Pihak Berkuasa Negeri mengguna pakai peruntukan yang dinyatakan di dalam akta-akta berkaitan sebagai panduan bagi penentuan maksud awam.





TAFSIRAN TANAH LAPANG

Mengikut tafsiran Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), tanah lapang bermaksud mana-mana tanah sama ada dikepong atau tidak yang dikhaskan atau dirizabkan keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai suatu tempat awam. Lain-lain struktur bangunan untuk tujuan riadah dan rekreasi atau tujuan awam lain akan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari masa ke semasa. Contohnya taman bunga awam, taman awam, padang sukan, padang permainan, taman rekreasi awam, tempat makan angin awam, tempat jalan kaki awam, padang-padang permainan di kawasan perumahan, dewan serba guna untuk 'indoor game' seperti badminton, sepak takraw, padang bola sepak;

Pegawai Pengawal : Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan dikawal selia oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Kawasan Hijau

Kawasan Hijau terbahagi kepada dua (2) iaitu "Green Belt" dan "Green Lung":

Green Belt merupakan zon penampakan bagi memisahkan kegunaan tanah yang bercanggah seperti industri dengan perumahan bagi menghalang pencemaran udara dan bunyi bising; dan

Green Lung merupakan kawasan hijau yang luas yang boleh digunakan sebagai kawasan rekreasi dan riadah atau mewujudkan kehijauan di kawasan pembangunan. Contohnya Bukit Gasing, Taman Tasik Titiwangsa, Taman Tasik Shah Alam dan lain-lain.

Jumlah Tanah Lapang Dalam Proses Pewartaan bagi Tahun 2012

Sebanyak 7,012 kawasan lapang telah dihantar ke UPEN dan Pejabat Tanah dan Daerah untuk tujuan pewartaan tanah lapang. Sebanyak 1,632 kawasan (23.27%) masih di dalam proses pewartaan. Peringkat proses yang terbanyak adalah peringkat penyediaan kertas ringkasan teknikal di Pejabat Tanah dan Daerah iaitu sebanyak 2,232 kawasan.



Jumlah Tanah Lapang Yang Telah Siap Diwartakan bagi Tahun 2012

Sebanyak 5,380 kawasan telah berjaya diwartakan. Ianya meliputi sebanyak 76.73 peratus daripada keseluruhan bilangan permohonan pewartaan di Negeri Selangor.

Tindakan Yang Telah Dilaksanakan oleh UPEN

Dalam usaha meningkatkan proses pewartaan tanah lapang, satu Jawatankuasa Pewartaan Tanah Lapang telah ditubuhkan. Pihak yang terlibat di dalam Jawatankuasa ini adalah Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Jabatan Ukur Negeri Selangor, JPBD Negeri Selangor, UPEN, semua Pejabat Tanah dan Daerah dan semua Pihak Berkuasa Tempatan.



**KEDUDUKAN KEMAJUAN TANAH LAPANG AWAM MENGIKUT PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR
TAHUN 2012**

NEGERI / PBT	Tanah Lapang Awam Mengikut Status (Ekar)						Anggaran Luas Tanah Lapang
	Telah Diwartakan (A)		Dalam Proses (B)		Belum Diwartakan (C)		
	Bil. Kaw.	Anggaran Luas (Ekar)	Bil. Kaw.	Anggaran Luas (Ekar)	Bil. Kaw.	Anggaran Luas (Ekar)	(A+B+C) Ekar
SELANGOR							
MB Shah Alam	236	195.27	284	471.13	943	2074.88	2741.27
MB Petaling Jaya	444	2114.00	5	39.00	-	-	2153.00
MP Klang	428	366.44	627	523.88	-	-	890.32
MP Ampang Jaya	126	177.86	351	396.29	96	110.60	684.75
MP Kajang	1459	1178.00	142	63.46	-	-	1241.46
MP Subang Jaya	151	598.80	407	577.41	439	635.67	1811.87
MP Selayang	108	123.23	215	408.07	-	-	531.30
MP Sepang	-	-	19	58.32	17	5.37	63.69
MD Kuala Langat	91	80.51	44	20.98	62	33.33	134.82
MD Kuala Selangor	93	87.50	-	-	63	70.93	158.43
MD Hulu Selangor	3	21.75	108	1955.63	12	10.98	1988.36
MD Sabak Bernam	9	26.49	30	18.88	-	-	45.36

Sumber : Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor.

Teloh Diwartakan

Teloh siap kelulusan pewartaan oleh Y.A.B Menteri Besar atau telah mendapat Pelan Akui atau telah mendapat No. Warta

Dalam Proses

Teloh mendapat kelulusan MMKN atau telah dihantar ke Pejabat Daerah / Tanah untuk penyediaan kertas ringkasan teknikal

Belum Diwartakan

Kawasan lapang yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) iaitu Pihak Berkuasa Tempatan atau JPBD Negeri atau tanah yang tidak dilakukan sebarang proses bagi pewartaan

Bilangan Kertas Kerja Yang Telah Dibentangkan

Di Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Pada Tahun 2012

BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	KERTAS MESYUARAT	
Mesyuarat JPNS Bil. 1/2012	13 Februari 2012	Kertas Dasar	4
		Kertas Rancangan Pemajuan	4
		Kertas Pengawalan Perancangan	0
		Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan	4
		Jumlah Kertas Kerja :	12
Mesyuarat JPNS Bil. 2/2012	10 April 2012	Kertas Dasar	1
		Kertas Rancangan Pemajuan	2
		Kertas Pengawalan Perancangan	0
		Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan	3
		Jumlah Kertas Kerja :	6
Mesyuarat JPNS Bil. 3/2012	05 Jun 2012	Kertas Dasar	0
		Kertas Rancangan Pemajuan	4
		Kertas Pengawalan Perancangan	0
		Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan	3
		Jumlah Kertas Kerja :	7
Mesyuarat JPNS Bil. 4/2012	13 Ogos 2012	Kertas Dasar	1
		Kertas Rancangan Pemajuan	2
		Kertas Pengawalan Perancangan	1
		Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan	3
		Jumlah Kertas Kerja :	7
Mesyuarat JPNS Bil. 5/2012	09 Oktober 2012	Kertas Dasar	1
		Kertas Rancangan Pemajuan	4
		Kertas Pengawalan Perancangan	4
		Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan	0
		Jumlah Kertas Kerja :	9
Mesyuarat JPNS Bil. 6/2012	04 Disember 2012	Kertas Dasar	1
		Kertas Rancangan Pemajuan	5
		Kertas Pengawalan Perancangan	0
		Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan	1
		Jumlah Kertas Kerja :	7
JUMLAH KESELURUHAN KERTAS DIBENTANG DALAM MESYUARAT JPNS TAHUN 2012		Kertas Dasar	8
		Kertas Rancangan Pemajuan	21
		Kertas Pengawalan Perancangan	5
		Kertas mengenai Keputusan/Makluman/Arahan	14
		JUMLAH KERTAS KERJA :	48

Senarai Kertas-kertas Dasar Yang Dibentang

Di Mesyuarat Jawatankuasa Perancang
Negeri Selangor Pada Tahun 2012

BIL. MESYUARAT TARIKH	TAJUK KERTAS DASAR
Bil. 1/2012 13 Februari 2012	1. KERTAS JPN SEL. BIL. 1/1/2012 Cadangan Perubahan Keahlian Jawatankuasa Perancang Negeri Di Bawah Seksyen 4, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). 2. KERTAS JPN SEL. BIL. 2/1/2012 Garis Panduan Rekabentuk Sejagat (<i>Universal Design</i>). 3. KERTAS JPN SEL. BIL. 3/1/2012 Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat Melalui <i>Crime Prevention Through Environmental Design</i> (CPTED). 4. KERTAS JPN SEL. BIL. 4/1/2012 Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara (RFZPPN).

BIL. MESYUARAT TARIKH	TAJUK KERTAS DASAR
Bil. 2/2012 10 April 2012	1. KERTAS JPN SEL. BIL. 1/2/2012 Permintaan Dan Penawaran Pasaran Tanah Semasa Di Negeri Selangor. 2. KERTAS JPN SEL. BIL. 2/2/2012 Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau.

BIL. MESYUARAT TARIKH	TAJUK KERTAS DASAR
Bil. 4/2012 13 Ogos 2012	1. KERTAS JPN SEL. BIL. 1/4/2012 Garis Panduan Perancangan Pengenalpastian Bagi Pembangunan Semula Kawasan <i>Brownfield</i>.

BIL. MESYUARAT TARIKH	TAJUK KERTAS DASAR
Bil. 5/2012 9 Oktober 2012	1. KERTAS JPN SEL. BIL. 1/5/2012 Garis Panduan Penubuhan Tadika Dan Taska.

www.jpbdselangor.gov.my



Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor
Tingkat 15-18, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40646 Shah Alam, Selangor